

4 September 2023

Kenyataan Media

**SUARA PELANGGAN DIDENGARI DI "GO THE EXTRA MILE" HARI BERSAMA
PELANGGAN PUSPAKOM**

Shah Alam, 4 September 2023 – Pelanggan PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) dapat menyuarakan pendapat atau cadangan tentang sebarang isu berkaitan pemeriksaan kenderaan secara bersemuka dengan pegawai PUSPAKOM melalui pelbagai aktiviti yang akan diadakan sempena Hari Bersama Pelanggan "Go The Extra Mile" (GEM) yang akan diadakan di pusat pemeriksaan PUSPAKOM terpilih dari September hingga Oktober ini.

Selain itu, pelanggan juga boleh mendapatkan pemeriksaan cermin gelap kenderaan secara percuma. Aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuk sesi dialog, taklimat integriti, lawatan lorong pemeriksaan dan tapak pameran. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk berkongsi ilmu tentang pemeriksaan kenderaan dan bagi meyakinkan orang ramai tentang ketelusan pemeriksaan di samping meningkatkan mutu perkhidmatan PUSPAKOM.

Hari Bersama Pelanggan GEM ini akan diadakan pada tarikh dan di cawangan-cawangan berikut :

NO	TEMPAT	TARIKH	MASA
1	PUSPAKOM Muar, Johor	5 September 2023	9.00 pagi – 5.00 petang
2	PUSPAKOM Alor Gajah, Melaka	6 September 2023	9.00 pagi – 5.00 petang
3	PUSPAKOM Teluk Kumbar, Pulau Pinang	19 September 2023	9.00 pagi – 5.00 petang
4	PUSPAKOM Teluk intan, Perak	4 Oktober 2023	9.00 pagi – 5.00 petang
5	PUSPAKOM Banting, Selangor	18 Oktober 2023	9.00 pagi – 5.00 petang
6	PUSPAKOM Seremban, Negeri Sembilan	31 Oktober 2023	9.00 pagi – 5.00 petang



Ahli Kumpulan



PUSPAKOM yang kini merupakan sebuah pusat sehenti untuk urusan berkaitan dengan kenderaan juga menawarkan perkhimatan pembaharuan insurans dan cukai jalan. Pelanggan yang hadir juga disarankan tidak melepaskan peluang untuk mendapat cabutan bertuah jika memperbaharui insurans di PUSPAKOM.

Untuk info terkini, orang ramai boleh mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd, Instagram [puspakom_ontheroad](#) dan Tiktok [puspakomofficial](#) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-5101 7000.

#